

Rakyat Perlu Bersatu Menentang Pemimpin Burukkan Nama Negara - Ahmad Zahid Bernama
19 Julai, 2012

PASIR SALAK, 19 Julai (Bernama) -- Rakyat perlu bersatu padu mempertahankan negara dengan menentang pemimpin yang cuba memburukkan nama Malaysia kepada negara luar, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata tindakan menghina, mengherdik serta merendah-rendahkan perkara yang melibatkan Malaysia menunjukkan seseorang itu tidak mempunyai sikap taat setia kepada negara.

"Kita sebagai generasi yang menyambung kesinambungan selama 55 tahun kemerdekaan perlu mempertahankan negara. Kalau ada pemimpin yang mengeluarkan unsur-unsur yang cuba memporak-perandakan negara ini, kita sebagai rakyat Malaysia kena tentang puak-puak ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan majlis penutup kempen kibar Jalur Gemilang peringkat negeri Perak di sini, Khamis.

Beliau berkata ini kerana terdapat pemimpin yang sering kali mempolitikkan segala usaha yang dilakukan kerajaan Barisan Nasional (BN) dengan menghina serta memburuk-burukkan nama Malaysia kepada negara luar.

"Kita boleh berbeza pendapat tetapi atas nama negara jangan ada perbezaan pendapat...soal peribadi (masalah) dengan mana-mana pemimpin, itu soal peribadi. Kalau tidak bersetuju tetapi atas soal dasar jangan dibangkitkan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681942>

